



## Kempen Penjimatan Bonanza Berganda Hua Yang

Hua Yang tawar penjimatan rumah sehingga RM128,000



Oleh Mohd Zaky Zainuddin

[zaky@bh.com.my](mailto:zaky@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Hua Yang Bhd (Hua Yang), pemaju harta tanah tempatan melancarkan kempen Penjimatan Bonanza Berganda bagi projeknya di Pulau Pinang, Perak, Lembah Klang dan Johor.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ho Wen Yan, berkata inisiatif yang memberi penjimatan sehingga RM128,000 itu adalah sejajar dengan pelancaran semula Kempen Pemilikan Rumah (HOC) bagi menyuntik sokongan tambahan kepada pembeli kediaman yang dimajukan syarikat itu.

"Kempen Penjimatan Bonanza Berganda adalah peluang keemasan untuk kami menambah nilai dan membuka peluang kepada bakal pelanggan memiliki rumah impian mereka pada harga mampu milik, tanpa menjaskas aspek kualiti.

"Ia menawarkan rebat khas bernilai RM15,000 bergantung kepada projek, fi tempahan lebih rendah dan juga pakej lain yang menarik.

"Tambahan lagi, pemilik rumah sedia ada Hua Yang yang memperkenalkan rakan dan keluarga juga menerima RM2,000, selepas pembelian dilaksanakan," katanya dalam satu kenyataan.

Kempen Penjimatan Bonanza Berganda Hua Yang bermula semalam hingga 30 September ini.

Menerusi kempen ini, Wen Yan berkata, Hua Yang berharap untuk menarik lebih ramai pembeli rumah pertama, yang menjadi sasaran utamanya.

"Tawaran daripada kempen ini juga akan diberikan kepada pembeli rumah Aston Acacia (Bukit Mertajam, Pulau Pinang), Elemence (Taman Denai Alam, Johor), Sakura (Bandar Universiti Seri Iskandar, Perak) dan juga projek-projek terpilih di Lembah Klang," katanya.

HOC, dilancarkan buat kali pertama pada 2019, adalah program kerajaan yang dirangka untuk merangsang transaksi harta tanah menerusi rebat dan tawaran menarik.